

24 JUL 1997

ASEAN : SEDUTAN UCAPAN PERASMIAN DR MAHATHIR

"Hasil daripada sikap pragmatisme, negara-negara ini terus bekerjasama sebagai Asean, walaupun hubungan dua hala antara anggota-anggota tertentu menjadi tegang" ... mengenai peringkat awal penubuhan pertubuhan itu.

"Asean telah membuktikan bahawa kerjasama serantau di kalangan negara-negara membangun adalah mungkin dan boleh membawa hasil."

"Dunia seharusnya menerima hakikat bahawa anggota-anggota Asean mempunyai pengaruh terhadap politik dalaman dan dapat membantu dalam kemajuan negara-negara anggota" ... merujuk kepada keanggotaan Myanmar dalam Asean walaupun ditentang oleh Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.

"Kita menghargai tawaran untuk mempertahankan kita tetapi bagaimanakah kita hendak pastikan bahawa bantuan yang dijanjikan itu akan diterima setelah kita dapati banyak negara diabaikan sebaik saja mereka menghadapi masalah."

"Kemakmuran ekonomi merupakan jawapan kepada masalah keselamatan kita kerana dengan kemakmuran, Asean akan diberi perhatian dan pendapatnya dihormati."

"Kita mahu menerima konsep tanpa sempadan tetapi kita masih perlu pertahankan diri kita daripada penyangak berkepentingan sendiri dan penyamun antarabangsa." ... mengenai serangan yang sedang dilakukan terhadap mata wang Asean.

"Saya yakin ada satu formula kejayaan Asean, kerana kalau tidak, apakah sebabnya setiap negara Asean telah menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan kestabilan politik. -- BERNAMA

KGO JK MAI